

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]

SOALAN : Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah status terkini usaha-
usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
(PBB) dan juga pendirian Malaysia dalam
cadangan organisasi tersebut untuk
mewujudkan dua negara berasingan bagi
rakyat Palestin dan Israel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Pilah di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Konflik di antara Palestin dan Israel adalah salah satu agenda utama di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Isu ini dibincangkan semasa mesyuarat bulanan dan debat terbuka berpenggal Majlis Keselamatan PBB setiap tiga bulan di bawah agenda "Situasi di Timur Tengah" termasuk Palestin. Ini adalah platform untuk ahli-ahli Majlis Keselamatan PBB mengutarakan pandangan dan pendirian negara masing-masing berhubung usaha mencari penyelesaian kepada konflik tersebut.

3. Ahli-ahli Majlis Keselamatan PBB dan masyarakat antarabangsa, secara amnya, berpandangan aktiviti penempatan haram Israel yang berterusan mengancam penyelesaian dua-negara berhubung konflik ini. Sehubungan ini, pada 23 Disember 2016, Majlis Keselamatan telah meluluskan Resolusi 2334 yang menggesa Israel menghentikan segera semua aktiviti penempatan di wilayah Palestin. Resolusi tersebut juga menekankan bahawa aktiviti penempatan haram ini mencabul undang-undang antarabangsa.

4. Sepanjang menganggotai Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016, Malaysia sentiasa lantang mengetengah dan menegaskan pendirian negara mengenai penyelesaian konflik Israel – Palestin. Malaysia akan terus melibatkan diri di dalam debat terbuka berpenggal tersebut di atas bagi terus menyuarakan pendirian Malaysia berhubung isu ini dan menggesa pelaksanaan Resolusi 2334 dan resolusi-resolusi lain yang berkaitan dengan usaha mencari penyelesaian dua-negara yang berkekalan.

5. Kesimpulannya, Malaysia menyokong penyelesaian yang adil dan menyeluruh dengan penubuhan dua negara, Israel dan Palestin yang wujud secara sebelah menyebelah dengan aman berdasarkan kepada sempadan sebelum tahun 1967, dengan Baitulmaqdis (*East Jerusalem*) sebagai ibu negara Palestin.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK

SOALAN : NO. 245

Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah RM dan bilangan peminjam PTPTN yang mengambil peluang untuk mendapatkan diskaun bayaran balik sebagaimana pengumuman Bajet 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 22 Oktober 2016 sehingga 31 Disember 2016, seramai 219,350 orang peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah mengambil peluang mendapatkan insentif diskaun bayaran balik sebagaimana yang telah diumumkan di dalam Bajet 2017. Melalui pemberian insentif ini, sebanyak RM562.82 juta bayaran balik telah berjaya dikutip dengan jumlah pemberian diskaun mencecah sebanyak RM83.78 juta. Insentif yang disediakan ini merupakan dorongan kepada peminjam untuk melaksanakan bayaran balik pinjaman kepada PTPTN dan sekaligus dapat memastikan program pembiayaan pendidikan negara terus dilestarikan untuk masa akan datang.